



جابتن حال إحوال اِكْنام إسلام قولوا قِينْخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

TEKS KHUTBAH  
**SANTUNI ANAK ISTIMEWA,  
TANGGUNGJAWAB  
DAN KEBERKATAN**

Tarikh Bacaan:  
**5 DISEMBER 2025M / 14 JAMADIL AKHIR 1447H**

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
PULAU PINANG

***Jawatankuasa  
Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



## Santuni Anak Istimewa, Tanggungjawab Dan Keberkatan

(Khutbah Khas KPM)

5 Disember 2025M/ 14 Jamadil Akhir 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾ سورة التين

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تُفْلِحُونَ.

### SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat rahmat dan keberkatan hidup di dunia dan di akhirat.

Khatib juga mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Elakkan diri dari melakukan perkara yang memesongkan fokus daripada isi kandungan khutbah. Mimbar muncul dengan tajuk “**Santuni Anak Istimewa, Tanggungjawab Dan Keberkatan**”.

### SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,



Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat.

Setiap insan pasti merasa bahagia dengan kehadiran cahaya mata dalam kehidupan, ibarat menatang minyak yang penuh. Setiap ibu bapa pastinya mengaharapkan anak-anak mereka membesar dengan sempurna. Namun di samping kegembiraan ini, ada dalam kalangan kita yang dikurniakan anak berkeperluan khas, yang sering disebut sebagai anak istimewa. Mereka hadir sebagai anugerah istimewa yang memerlukan perhatian, kasih sayang dan sokongan yang lebih, dalam menjalani kehidupan. Oleh itu, khutbah pada hari ini akan membicarakan kepentingan menyantuni anak istimewa dengan penuh tanggungjawab dan kasih sayang, agar mereka dapat hidup dengan sejahtera serta mendapat ruang dan peluang yang sama dalam masyarakat.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sheikh Muhammad Sayyid Tantawi dalam tafsirnya menukilkan daripada Imam Az- Zamakhshari, ayat yang dibacakan di awal khutbah tadi menjelaskan bahawa penciptaan manusia adalah satu proses yang bermula daripada setitis air mani yang kemudiannya berkembang menjadi seorang bayi. Dalam proses ini, ada yang dilahirkan dengan sifat yang sempurna dan sebaliknya mengikut ketentuan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Hakikat ini mengingatkan kita bahawa setiap manusia adalah ciptaan-Nya yang unik dan berharga, tanpa mengira keadaan fizikal atau mental mereka. Oleh itu, sebagai hamba yang beriman, kita dituntut untuk mensyukuri

anugerah ini dan menyantuni setiap insan dengan penuh kasih sayang serta keadilan.

Tahukah kita bahawa sehingga 31 Julai 2025, seramai 144,499 orang kanak-kanak telah didaftarkan sebagai murid berkeperluan pendidikan (KPM). Namun, jumlah ini tidak termasuk murid berkeperluan pendidikan khas yang bersekolah di institusi bukan kerajaan dan swasta. Mereka terdiri daripada murid yang mempunyai kelainan dalam aspek penglihatan, pendengaran, pertuturan, fizikal, serta masalah pembelajaran. Statistik ini menunjukkan bahawa keperluan pendidikan khas semakin penting dalam memastikan setiap anak mendapati peluang pembelajaran yang sesuai dengan kemampuan mereka.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI,**

Sebagai ibu bapa, kita perlu memahami bahawa setiap anak berkembang mengikut kadar yang berbeza. Ada yang pantas menguasai sesuatu kemahiran dan ada yang memerlukan lebih masa pada aspek tertentu. Oleh itu, kepekaan terhadap perkembangan mereka amat penting agar sebarang keperluan khas dapat dikenal pasti lebih awal dan tindakan yang sewajarnya dapat diambil. Pada masa yang sama, masyarakat juga hendaklah bersikap cakna dan prihatin terhadap keluarga yang dianugerahi anak istimewa. Sokongan moral dan pemahaman daripada persekitaran akan membantu mereka menjalani kehidupan dengan lebih mudah serta memberi ruang kepada anak-anak ini untuk berkembang dengan lebih baik.

Sekiranya anak istimewa ini diabaikan, pelbagai isu seperti keciciran dalam pembelajaran, perlakuan jenayah dan pengabaian oleh penjaga akan terus berleluasa dalam masyarakat. Kita tidak boleh

melupakan kejadian tragis beberapa tahun lalu, iaitu seorang anak ketidakkeupayaan fizikal berumur 15 tahun ditinggalkan di sebuah rumah tidak berpenghuni dalam keadaan yang menyayat hati sewaktu serbuan pihak berkuasa dijalankan. Peristiwa ini seharusnya menjadi pengajaran buat kita. Keprihatinan serta tindakan proaktif daripada ibu bapa, masyarakat, dan pihak berwajib amat diperlukan bagi memastikan mereka mendapat hak dan perlindungan yang sewajarnya. Setiap anak, tanpa mengira keadaan mereka, berhak untuk hidup dengan selamat, dihormati dan diberikan peluang untuk berkembang seperti insan lain.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Mengakhiri khutbah pada hari yang mulia ini, beberapa pengajaran yang boleh diambil daripada khutbah ini iaitu:

**Pertama:** Anak adalah anugerah Allah yang wajib disyukuri dan dihargai kehadirannya walau apa jua keadaan mereka.

**Kedua:** Ibu bapa perlu bersabar dalam mendidik dan membesarkan anak-anak, terutama anak-anak istimewa yang jelas memerlukan perhatian khusus.

**Ketiga:** Ibu bapa hendaklah peka terhadap proses perkembangan anak-anak.

**Keempat:** Sekiranya anak tersebut disahkan sebagai anak istimewa, digalakkan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi mendapatkan keistimewaan dan kemudahan yang ditawarkan oleh pelbagai pihak termasuk kerajaan.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam surah al-Anfal ayat 28:

وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿٦٨﴾

Maksudnya: “Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

2025M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ.

### MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang memutuskan bahawa kutipan zakat oleh amil atau ejen luar dari Pulau Pinang yang tidak dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) adalah **tidak sah**.

Hukum perbuatan memindahkan hasil kutipan zakat ke negeri lain, **adalah haram** dan bercanggah dengan peruntukan undang-undang di negeri Pulau Pinang.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا  
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَبَارِكْ وَسَلِّمْ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أئِمَّتَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِي يَمِينِ خَافِكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ  
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوَلَايَةَ قُؤُلَاوٍ فَيُنْعِجَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا  
سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ  
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى  
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka  
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,  
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'  
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

***“Ya Allah, berilah kekuatan kepada kami untuk menunaikan zakat  
serta melaksanakan wakaf melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau  
Pinang agar ia menjadi sumber kebaikan dan kemajuan umat Islam  
di negeri yang tercinta ini.***

**Ya Allah, satukanlah hati-hati kami, tanamkanlah rasa percaya kepada pemimpin kami dan jauhkanlah kami daripada fitnah serta perpecahan. Rahmatilah para pemimpin dan pihak berkuasa agama agar sentiasa Engkau bimbing di atas jalan yang benar.”**

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG